

Kosmo 25/06/2010 M/S 20
18

PINTU gerbang Penjara Pudu dan dua lukisan mural yang akan dikekalkan menjadi tinggalan sejarah untuk disaksikan oleh generasi akan datang.



Oleh KHADIJAH MOHAMAD NOR
khadijah.mohamadnor@kosmo.com.my

MULUT dua buah jentolak itu dengan rakus memecahkan tembok tebal di hadapannya tanpa belas kasihan. Dalam sekelip mata tembok setinggi 4.5 meter itu runtuh menyembah bumi.

Sisa-sisa runtuhan yang terdiri daripada ketulan batu-bata itu kemudian berrebut-rebut dikutip oleh orang ramai yang berada di kawasan tersebut untuk dibawa pulang.

Tindakan itu ada asasnya kerana tembok tebal yang dirobohkan itu bukan sebarang bangunan. Ia merupakan sisa tembok Penjara Pudu yang satu ketika dahulu menjadi 'rumah' kepada sejumlah

Penamat riwayat Penjara Pudu

Tembok Penjara Pudu setinggi 4.5 meter, sepanjang 394 meter dan dipenuhi lukisan mural hasil kerja tangan banduan kini tinggal dalam lipatan sejarah apabila diruntuhkan Isnin lalu.

penjenayah yang antaranya paling terkenal dalam sejarah perundangan di Malaysia.

Antara yang diingati sudah pasti Botak Chin atau nama sebenarnya Wong Swee Chin, seorang ketua penjenayah bersenjata yang digeruni sekitar 1970-an. Dia akhirnya digantung sampai mati di Penjara Pudu pada 11 Jun 1981.

Seperti tamatnya riwayat hidup Botak Chin, begitulah juga yang akan dialami Penjara Pudu yang telah berusia lebih 100 tahun itu, apabila temboknya mula dirobohkan Isnin lalu oleh dua buah jentolak milik kontraktor Syarikat Pertama Makmur Sdn. Bhd.

Melibatkan 30 pekerja, syarikat tersebut merupakan pihak yang diberi tanggungjawab untuk merobohkan tembok penjara itu selepas keputusan dibuat untuk tidak mempertahankan bangunan berkenaan.

Ternyata, selepas berdiri teguh selama 118 tahun (dikira daripada tahun ia disiapkan pada tahun 1982), bangunan yang mempunyai nilai sejarah tersendiri kepada mereka yang tahu nilainya itu terpaksa 'tunduk' kepada sesuatu yang digelar pembangunan.

Selepas tembok, bangunan itu pula secara berperingkat-peringkat akan dirobohkan keseluruhannya.

Tapak Penjara Pudu selepas ini akan dilingkari dengan bangunan moden gah sekali gus memegang status sebagai Pu-

sat Bandar Bukit Bintang (BBCC). Pembangunan kawasan itu akan dimajukan oleh UDA Holdings Berhad (UDA) dengan melibatkan nilai pembangunan kasar RM5 bilion.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin dalam pembentangnya di Parlimen baru-baru ini memberitahu kawasan itu akan dibangunkan dengan projek pembangunan bercampur yang menempatkan pusat transit, servis apartmen, pejabat, pusat rekreasi, hotel dan premis perniagaan.



LAKARAN artis mengenai projek pembangunan Pusat Bandar Bukit Bintang ihsan Kumpulan Senireka Sdn. Bhd.

“Tapak Penjara Pudu ini bukan tapak warisan dan ia tidak akan dijadikan sebagai warisan. Penjara Pudu bukan sesuatu yang dibanggakan walaupun lama. Kerajaan juga tidak akan membangunkan muzium khas bagi penjara ini,” katanya.

Projek itu dibahagikan kepada enam plot yang akan disiapkan dalam tempoh 10 tahun dan agihannya adalah 40 peratus untuk unit kediaman dan 60 peratus komersial di samping projek persimpangan bertingkat serta laluan bawah tanah.

Bernilai ekonomi

Apa yang pasti, rebahnya Penjara Pudu ternyata sedikit sebanyak menimbulkan polemik tersendiri lantaran wujud pro dan kontra daripada pembangunan di tapak itu.

Walaupun bernilai sejarah, namun berada dalam radius segi tiga emas Kuala Lumpur, ternyata nilai ekonomi kawasan itu terlalu tinggi untuk dikorbankan demi sebuah lokasi penempatan banduan.

Melihat dari sudut yang positif, pakar ekonomi, Datuk Mohd. Salleh Abdul Ma-



KERJA-kerja merobohkan tembok Penjara Pudu menggunakan dua buah jentolak bermula Isnin lalu.

jid bersetuju dengan keputusan untuk memajukan tanah tinggalan Penjara Pudu.

“Kenapa perlu disimpan kalau ia tidak memberi sumber ekonomi dan manfaat kepada rakyat. Dengan status penjara, imej yang dibawa bukanlah sesuatu yang wajar dimegahkan untuk dikekalkan,” ujarnya yang melihat pembangunan di kawasan tengah Kuala Lumpur itu akan membawa keuntungan ekonomi kepada negara.

Presiden Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia, Prof Dr. Jariah Masud pula memberitahu, tiada siapa yang boleh menyangkal Penjara Pudu mempunyai nilai sejarah, tetapi tiada siapa boleh menolak pembangunan.

Bagaimanapun pintanya, sebagai menghormati nilai sejarah seharusnya ada struktur-sturktur ditinggalkan agar generasi akan datang tidak melupakannya.

Lambang ketamadunan

Menyorot pandangan peribadi pencinta sejarah bagaimanapun ramai yang mengakui berdukacita dengan keputusan merobohkan bangunan itu.

Bekas Ketua Pengarah Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia, Datuk Dr. Adi Taha memberitahu, secara peribadi dia kurang bersetuju apabila melihat bangunan noltalgik itu diruntuhkan. Baginya Penjara Pudu boleh dianggap satu warisan lambang ketamadunan negara dalam sistem pentadbiran yang berusaha membanteras jenayah ketika itu.

“Jadi, tindakan ini sekali gus menyebabkan satu bangunan khazanah warisan negara telah hilang begitu sahaja. Memang dari segi hartanah ia mempunyai nilai yang tinggi tetapi dalam aspek warisan, ia harganya tidak ternilai,” luahnya yang kini merupakan Felo Utama Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Tokoh sejarawan negara, Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim melihat



GAMBAR pemandangan dari atas sebelum kerja-kerja merobohkan tembok penjara dilakukan.

tindakan tersebut sebagai sesuatu yang merugikan.

“Terus-terang saya memang sedih dengan keputusan tersebut. Situasi itu menunjukkan seolah-olah rakyat Malaysia kini sanggup mengorbankan sejarah demi mengemajjar pembangunan.

“Ini bukan cara terbaik dalam melaksanakan pentadbiran negara. Nilai-nilai murni mengenai bangsa dan kepentingan mempertahankan warisan serta sejarah negara semakin terhakis,” tegas Khay Kim ketika dihubungi *Kosmo!*.

Pintu gerbang dikekalkan

Bagaimanapun Penjara Pudu bukanlah dirobuhkan dengan sewenang-wenang tanpa tindakan dokumentasi dan langkah-langkah penting untuk mengekalkan ia sebagai satu tinggalan sejarah negara.

Timbalan Pesuruhjaya Jabatan Warisan Negara, Profesor Dr. A. Ghafar Ahmad memberitahu pihaknya telah membuat dokumentasi berbentuk gambar dan video sebelum tembok Penjara Pudu dirobuhkan.

Proses dokumentasi itu bertujuan untuk dijadikan sebagai bahan rujukan pada masa akan datang oleh semua pihak.

“Malah, Jabatan Warisan sudah meminta agar pintu gerbang Penjara Pudu dan dua lukisan mural di bahagian kiri dan kanan pintu utama dikekalkan sebagai kesan tinggalan sejarah yang boleh dilihat oleh generasi masa depan.

“Perkara ini sudah dibincangkan dalam mesyuarat dan semua pihak bersetuju untuk mengekalkannya,” jelas A. Ghafar.

Antara bangunan bersejarah yang dirobohkan bagi tujuan pembangunan:




Pennsylvania Station

- Dinamakan sempena nama Stesen Kereta Api Pennsylvania.
- Siap dibina pada 1910 oleh arkitek McKim, Mead & White.
- Rekaan asalnya berdasarkan gaya Beaux Arts yang menjadi salah satu ikon di bandar raya New York.
- Diruntuhkan bagi memberi laluan kepada pembinaan ruang pejabat dan kompleks sukan.
- Operasi meletupkan bangunan dimulakan pada Oktober 1963.
- Pembinaan Pennsylvania Plaza termasuk bangunan Madison Square Garden yang keempat selesai dibina pada 1968.
- Laluan keretapi yang terletak di laluan bawah tanah masih kekal sehingga kini.



Chicago Federal Building

- Terletak di daerah Illinois, Chicago ia dibina pada 1898 dan siap pada 1905.
- Menjadi lokasi pejabat pos besar, biro kerajaan dan mahkamah persekutuan.
- Direka oleh arkitek Henry Ives Cobb dengan inspirasi seni bina Greek dan Rom.
- Diletupkan pada 1965 bagi memberi laluan kepada pembinaan kompleks pejabat setinggi 45 tingkat, Kluczynski Federal Building.
- Siap dibina pada 1975 dan dinamakan sempena nama ahli kongres Amerika Syarikat, John C. Kluczynski.
- Menjadi ibu pejabat beberapa jabatan kerajaan seperti Tentera Udara, Jabatan Hasil Dalam, Jabatan Imigresen dan Pejabat Senator.



Shalamar Gardens, Pakistan

- Terletak di Punjab, Pakistan, Shalamar Gardens dibina pada abad ke-17.
- Ia dianggap tapak karya agung terhadap kesenian Mughal dan menjadi lambang kebudayaan dan kenegaraan Pakistan.
- Bagaimanapun tangki air yang dibina 375 tahun lalu untuk membekalkan air di kawasan taman di situ terpaksa dimusnahkan pada 1999 bagi melebarkan jalan di lokasi tersebut.

Bangunan Lain:

- Sukharev Tower, Moscow (Dibina pada 1695, dimusnahkan pada 1927)
- Terminal Station Birmingham, (Dibina awal 1900, dimusnahkan 1969)
- Euston Arch & Great Hall, London (Dibina 1837, dimusnahkan 1963)



“SAYA harap pihak berkuasa tidak meruntuhkan kesemua bangunan di kawasan tersebut. Sekurang-kurangnya tinggalkan sedikit kesan untuk peringatan pada generasi akan datang seperti yang dilakukan terhadap Tembok Berlin di Jerman”

– **MAYA KARIN**
Pelakon/Penyanyi




“DARIPADA terbiar begitu sahaja, eloklah ia diruntuhkan untuk tujuan pembangunan. Tetapi, kesannya salah satu tempat bersejarah hilang daripada pandangan kita”

– **MOHD. FAUZAN AHMAD LUTFI**
Pelumba Basikal Kebangsaan

“SAYA pernah bermain bola sepak bersama tahanan penjara sewaktu belajar di Victoria Institution dahulu. Ia satu kenangan yang tidak boleh dilupakan. Hakikatnya Penjara Pudu memang mempunyai nilai sejarah tersendiri”



– **DATUK MOHD. ZAMAN KHAN**
Bekas Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah PDRM



BANGUNAN Penjara Pudu yang menyimpan misteri tersendiri.

- Penjara Pudu atau Pudu Goal terletak di Jalan Hang Tuah, mula dibina pada tahun 1891 sewaktu zaman penjajahan British di atas tanah seluas 10 hektar.

- Tembok penjara mula dibina pada Februari 1891 dan siap pada bulan Ogos 1892.

- Pembinaan penjara itu siap sepenuhnya pada tahun 1895 dengan penambahan enam blok baru.

- Mengandungi 130 buah sel untuk kapasiti 2,000 banduan.

● Penjara Pudu pada awal pembinaannya dihuni 600 orang pesalah, namun meningkat kepada 6,550 pada 1985 sehingga banduan terpaksa tidur secara bergilir-gilir.

● Penjara Pudu mula dibuka kepada orang awam untuk lawatan pada 3 Mei 1997 iaitu lebih daripada enam bulan selepas banduan terakhir dipindah keluar ke kemudahan moden di Penjara Sungai Buloh.

● Lebih daripada RM1.7 juta dibelanjakan bagi mengubahsuai penjara itu untuk menjadi lokasi tarikan pelancong.

● Sebahagian besar perbelanjaan itu merangkumi pembinaan bilik pameran untuk memperagakan koleksi memorabilia dan rekod-rekod sejarah.

● Yuran masuk dikenakan sebanyak RM12 untuk orang dewasa.

● Lukisan mural pada tembok itu pernah dinobat sebagai yang terpanjang di dunia iaitu 384 meter dan tinggi 4.5 meter. Ia dilukis oleh banduan menggunakan 2,000 liter cat.

● Penjara Pudu pernah menjadi lokasi penggambaran drama dan filem tempatan antaranya seperti *Dakolin Dakosi* dan *Cicak-man*.

Sumber: Jabatan Penjara Malaysia